

73 peratus pensyarah universiti penyelidikan kini miliki PhD

SEPANG 19 Sept. - Usaha Kementerian Pendidikan menyasarkan sebanyak 75 peratus tenaga pengajar berkelayakan doktor falsafah (PhD) di lima universiti penyelidikan semakin mencapai sasaran apabila 73 peratus pensyarah ketika ini memiliki kelayakan akademik tersebut.

Universiti berkenaan ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).



IDRIS JUSOH

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, di universiti-universiti awam lain pula sebanyak 38 peratus pensyarah telah memiliki kelulusan PhD.

Menurut beliau, selain menetapkan sasaran supaya lebih ramai pensyarah memiliki PhD, kerajaan juga mahu memberi lebih banyak kuasa autonomi kepada institut pengajian tinggi (IPT).

“Trend memang ke arah tersebut yang mana IPT akan diberi autonomi yang lebih,

bukan sahaja di peringkat universiti tetapi di peringkat fakulti,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Amanan Baik Pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) di sini hari ini.

Seminar tersebut merupakan acara tahunan bertujuan memupuk budaya perkongsian ilmu dalam kalangan IPT seluruh negara.

Mengulas lanjut, Idris berkata, IPT tidak harus terlalu ghairah dengan pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) dan soal sumbangan kepada pendapatan kasar ne-

gara (GNI) sehingga menjadi institusi yang ‘tidak berjiwa’.

Dalam masa sama, katanya, IPT tidak patut berasa selesa dengan kedudukan sedia ada dan mesti memajukan diri selari dengan perkembangan semasa termasuk dari segi penggunaan teknologi terkini.

Tambahnya, PSPTN kini dalam proses semakan dan penambahbaikan supaya dapat diselaraskan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dilancarkan baru-baru ini.

“Hasilnya dijangka dibentangkan pertengahan tahun depan,” katanya.